

## ANALISIS HALANGAN PERUNDANGAN TERHADAP KEPERLUAN SESI KAUNSELING ISTERI PERTAMA BERSAMA KEBENARAN POLIGAMI

### TRIAL JUDGE'S VIEW ON THE NEED FOR A FIRST WIFE'S COUNSELLING SESSION: AN ANALYSIS OF LEGAL BARRIERS

<sup>1</sup>\*Syakirah Hanafiah & Zul-kifli Hussin

<sup>1</sup> Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, 33000 Kuala Kangsar, Malaysia

\*(Corresponding Author): syakirahanafiah04@gmail.com

#### ABSTRAK

Kesejahteraan emosi isteri pertama merupakan elemen penting dalam menjamin keharmonian institusi kekeluargaan, khususnya dalam konteks amalan poligami. Namun begitu, kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk pelaksanaan sesi kaunseling kepada isteri pertama bersama keputusan kebenaran poligami. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis halangan perundangan dalam perintah pelaksanaan sesi kaunseling kepada isteri pertama bersama-sama kelulusan kebenaran permohonan poligami dari perspektif hakim syarie. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual separa berstruktur yang melibatkan dua orang hakim syarie. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat halangan perundangan dalam pelaksanaan sesi kaunseling kepada isteri pertama, khususnya disebabkan oleh keterbatasan bidang kuasa Mahkamah Syariah yang terikat kepada peruntukan undang-undang sedia ada. Namun, hakim bicara boleh meletakkanya sebagai *obiter dictum* dalam Alasan Penghakiman. Kajian ini mencadangkan agar satu kerangka yang lebih jelas digubal bagi memperkukuh integrasi elemen kaunseling dalam pengendalian kes poligami, demi melindungi kesejahteraan emosi dan sosial isteri pertama secara holistik.

**Kata Kunci:** *isteri pertama, obiter dictum, poligami, sokongan psikososial*

#### ABSTRACT

*The emotional well-being of a first wife is a fundamental element in fostering harmony within the family especially in the context of polygamy. However, previous researchs show requirement to implement counselling session for first wife with judgement of court permission of polygamy. Therefore, this research aims to analyze limitation of laws to implement counselling sessions to first wife along with judgement of court permission of polygamy from Sharia Judge perspective. This research used qualitative through semi structure interviews by involving two sharia judges. Data will analyze by using thematic structure method. Research findings show limitation of laws to implement counselling session to first wife notably limitation of sharia court jurisdiction binds with existing law. However, judge can put it as an obiter dictum in ground of judgement. This research proposes one clear framework to be amended for*

*strengthening element of counselling integration in polygamy case for protecting the peaceful emotion and social of first wife in a holistic way.*

**Keyword (s):** *first wife, obiter dictum, polygamy, psychosocial support*

## **PENDAHULUAN**

Menurut perspektif Islam, perkahwinan sama ada secara poligami atau monogami bukan sekadar satu ikatan sosial, tetapi merupakan sebuah institusi suci yang berasaskan hukum Islam serta dipandu oleh prinsip moral dan prosedur perundangan tertentu. Selain itu, poligami merupakan salah satu bentuk perkahwinan yang dibenarkan oleh syariat Islam di bawah garis panduan yang jelas dan ketat (Nor Dalilah Zakaria et al., 2023; Raihanah Abdullah, 2003). Seiring dengan itu, Enakmen Keluarga Islam Perak melalui Seksyen 23 memperuntukkan bahawa poligami merupakan satu bentuk perkahwinan yang dibenarkan dalam Islam. Menurut Barzah Latupono (2020) telah dinyatakan bahawa sejarah turut merekodkan peristiwa Nabi SAW memerintahkan seorang lelaki yang baru memeluk Islam untuk menceraikan isteri-isterinya yang melebihi empat orang dan hanya mengekalkan empat isteri sahaja. Dalam konteks Islam, poligami secara khusus merujuk kepada "*poliginy*", iaitu keadaan di mana seorang lelaki mempunyai lebih daripada seorang isteri pada satu masa. Di samping itu, poligami juga tidak semestinya dibenarkan dalam Islam (Rico Setyo Nugroho et al., 2025). Hal ini kerana ia tertakluk kepada syarat-syarat tertentu yang perlu dipenuhi oleh suami sebelum permohonannya boleh diluluskan oleh Mahkamah Syariah. Walau bagaimanapun, sebahagian besar masyarakat menolak poligami kerana beranggapan bahawa amalan ini memberi kesan negatif terhadap institusi keluarga serta berpotensi menjejaskan kesejahteraan wanita (Mohd Anuar Ramli, 2023). Selain itu, mereka juga berpandangan bahawa poligami membawa risiko yang tertentu bagi kelompok yang tidak menyokong poligami. Bahkan, menurut Hijrah Lahaling & Kindom Makkulawuzar (2021, p. 82), poligami sering dikaitkan dengan persepsi bahawa wanita berada dalam kedudukan yang kurang berdaya berbanding lelaki kerana "*Semua alasan yang dikemukakan dalam undang-undang dan peraturan pemerintah untuk membolehkan suami berpoligami hanya dilihat dari kepentingan suami, sama sekali tidak mempertimbangkan perspektif kepentingan istri..*"

Dalam hal ini, terdapat juga kajian yang menunjukkan rasa kecewa dan ketidakselesaan terhadap poligami melalui beberapa pengakuan isteri semasa prosiding permohonan poligami dijalankan (Raihanah Abdullah, 2010). Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa poligami berpotensi memberi kesan negatif terhadap kesejahteraan rumah tangga. Selain memberi kesan dari aspek psikologi, poligami turut memberikan impak terhadap kesihatan emosi dan fizikal isteri. Tekanan emosi yang berpanjangan boleh mengakibatkan gangguan kesihatan seperti kehilangan selera makan, masalah sistem reproduktif serta pelbagai keadaan fizikal lain yang berkaitan dengan stress kronik (Nabilah Haniifah Wahyu Fayyaza & Safari Hasan, 2025). Oleh yang demikian, kaunseling merupakan salah satu kaedah berkesan dalam merawat tekanan dari segi fizikal mahupun mental seseorang. Justeru, menurut Yusmini Md. Yusoff (2003), kaunseling perkahwinan penting kerana berfungsi mengatasi masalah komunikasi keluarga, meningkatkan keintiman emosi, membuka ruang perubahan positif serta membimbing ahli keluarga memahami keperluan bersama dalam mengeratkan hubungan kekeluargaan. Berdasarkan perspektif pengamal kaunseling keluarga, pendekatan kaunseling yang bersifat holistik berpotensi membantu wanita menangani pelbagai isu berkaitan hak dalam perkahwinan. Justeru itu, kaunseling keluarga memainkan peranan yang signifikan dalam

menyediakan sokongan psikologi serta bimbingan berterusan kepada wanita yang berdepan konflik dalam institusi perkahwinan (Nur Azmina Paslan, 2024).

Walaupun kaunseling diiktiraf sebagai salah satu pendekatan yang berkesan bagi menangani konflik rumah tangga secara berhikmah (Mohd Hamdan Mohamed Nordin et al., 2021), Mahkamah Syariah masih tidak mewajibkan isteri pertama untuk menghadiri sesi kaunseling secara rasmi selepas permohonan kebenaran poligami diluluskan. Menurut Nurulfatiha Muah (2023) dan Mohd Ridhuan Mohd Jamil et. al (2020), hal ini menimbulkan persoalan tentang tahap sokongan emosi dan psikologi yang diberikan kepada isteri pertama terutamanya apabila keputusan poligami memberi kesan langsung terhadap kesejahteraan mental dan emosi isteri. Tambahan pula, kajian ini menumpukan kepada isteri pertama kerana isteri pertama yang merasai situasi sebenar terlebih dahulu di dalam kes poligami berbanding isteri kedua, ketiga dan keempat (Nur Nadeera Faseeha binti Rozli & Zul-kifli Hussin, 2025). Oleh yang demikian, penerimaan terhadap poligami ini sememangnya satu isu yang kompleks walaupun terdapat isteri yang bersetuju dengan keputusan suami untuk berpoligami. Kajian mendapati bahawa 97 peratus responden percaya bahawa seorang wanita harus taat kepada suami untuk dianggap sebagai isteri yang baik (Azyyati Ahmad, 2019). Hal ini menjadikan tekanan yang dihadapi oleh isteri pertama lebih membimbangkan. Oleh itu, tidak dapat dinafikan bahawa kaunseling memainkan peranan signifikan dalam memperkukuh institusi perkahwinan dengan membantu isteri menangani tekanan emosi yang dialami. Pada masa yang sama, pengamal perundangan seperti hakim dan peguam disarankan untuk memiliki pengetahuan asas berkaitan kesihatan mental khususnya dalam menangani kes-kes yang melibatkan tekanan emosi dan penderaan psikologi (Siti Shamsiah Md Supi, 2013).

Menurut seksyen 2 Akta Kaunselor 1998, "*kaunseling*" ertinya *suatu proses sistematik untuk membantu perhubungan berdasarkan prinsip-prinsip psikologi yang dilaksanakan oleh kaunselor berdaftar mengikut kod etika kaunseling untuk mencapai suatu perubahan, kemajuan dan penyesuaian yang holistik, baik dan sukarela...*"(8). Oleh itu, kajian ini signifikan kerana dapat mengisi jurang pengetahuan sedia ada dalam memperkukuh bidang kaunseling serta menyokong usaha pengamal dan pihak berkepentingan dalam menyediakan perkhidmatan yang lebih berkesan. Kajian ini dijalankan kerana masih kurang penelitian yang menghubungkan peranan kaunseling dengan keperluan klien dalam konteks keperluan kaunseling terhadap isteri pertama. Tambahan pula, kaunseling dilihat sebagai satu bentuk intervensi penting bagi menangani tekanan emosi dan konflik psikososial yang dialami oleh wanita bagi membantu membentuk kesejahteraan individu (Nur Azmina Paslan & Mohamad Hashim Othman, 2021). Akan tetapi, adakah Mahkamah Syariah bersetuju sekiranya kaunseling ini dijadikan salah satu mekanisme sokongan dalam proses perundangan khususnya dalam kes poligami? Hal ini kerana penindasan dalam "poligami sepihak" ini secara tidak langsung mencemarkan definisi perkahwinan yang membawa kebahagiaan pada asalnya (Nur Kholis et al., 2017). Oleh yang demikian, keadaan ini menimbulkan jurang perundangan, kerana walaupun prosedur permohonan poligami tertakluk kepada undang-undang, aspek kesejahteraan emosi isteri pertama sering diketepikan. Menurut petikan kajian John Witte Jr. (John Witte Jr., 2015, p. 1730),

*"Monogamous households are filled with many ugly harms, too: wife and child abuse, deprivation and abandonment of children, wastrel habits, welfare abuses, and, sadly, so much more. That has not led to the abolition of monogamy but only to the closer policing and punishment of each harm as it occurs. Why not do the same here? If polygamy really does cause or correlate with various harms, why not just punish those harms*

*when they occur? If polygamous wives or children really do suffer from increased levels of abuse, neglect, or deprivation, why not give them model contracts with strong, built-in protections for the vulnerable that are scrupulously enforced?"*

Seperti yang diujulkan oleh John Witte Jr. (2015), kewujudan kemudharatan dalam sesuatu bentuk perkahwinan tidak seharusnya dijadikan alasan untuk menolak institusi tersebut secara keseluruhan, sebaliknya memerlukan mekanisme pengawalan dan perlindungan yang lebih tegas. Oleh yang demikian, adakah kewujudan kemudharatan dalam poligami seharusnya dijadikan alasan untuk menolak poligami itu secara keseluruhan, atau adakah ia lebih wajar dilihat sebagai satu cabaran untuk memperkenalkan mekanisme pengawalan dan perlindungan yang lebih tegas? Dalam konteks ini, mengapa ketiadaan kewajipan menghadiri sesi kaunseling rasmi bagi isteri pertama bersama kelulusan kebenaran poligami terus dibiarkan, sedangkan terdapat jurang sokongan emosi dan psikologi yang jelas wujud melalui kajian-kajian terdahulu? Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis halangan perundangan dalam melaksanakan sesi kaunseling terhadap isteri pertama bersama dengan kelulusan permohonan kebenaran poligami daripada perspektif hakim syarie.

## **SOROTAN KAJIAN**

Kajian ini meninjau perbincangan literatur berkaitan keperluan kaunseling terhadap isteri pertama dalam perkahwinan poligami dengan menumpukan kepada dua tema iaitu "Pengalaman dan Penerimaan Isteri Pertama dalam Poligami" dan "Pengurusan Emosi dan Komunikasi dalam Kaunseling Isteri Pertama".

### **Pengalaman dan Penerimaan Isteri Pertama dalam Poligami**

Kajian Nasrudin Subhi et al. (2020) memperlihatkan realiti yang sering berlaku dalam masyarakat berkenaan poligami yang berpotensi menggugat kestabilan emosi isteri pertama. Dapatan kajian mengenal pasti tiga pola utama iaitu perasaan seperti cemburu atau tidak kisah, penilaian kognitif sama ada positif, negatif atau sukar menerima serta tingkah laku yang boleh menjadi agresif, pasif atau berubah ke arah lebih baik. Kekurangan sokongan suami merupakan faktor terbesar yang memberi kesan kepada kesihatan mental isteri pertama di dalam kes poligami. Sebaliknya, kajian oleh Nur Nadeera Faseeha binti Rozli dan Zul-kifli Hussin (2025) mengetengahkan perspektif yang berbeza bahawa terdapat persepsi positif yang wujud bagi sebahagian isteri pertama. Dapatan kajian mendapati bahawa poligami boleh membawa kepada peningkatan pergantungan spiritual kepada Allah, melembutkan ego melalui muhasabah diri dan mendorong suami memikul tanggungjawab dengan lebih adil sebagai bukti kelayakan berpoligami. Walaupun kedua-dua kajian menggunakan kaedah kualitatif dengan temu bual separa berstruktur, fokus mereka jauh berbeza. Kajian Nasrudin Subhi et al. (2020) menonjolkan kesan psikologi dan sosial seperti tekanan, kemarahan dan kecemburuan terutamanya apabila poligami berlaku tanpa komunikasi dan keadilan. Manakala Nur Nadeera Faseeha binti Rozli dan Zul-kifli Hussin (2025) menampilkan sisi penerimaan positif bagi sesetengah isteri pertama yang mampu membina kekuatan dalaman melalui ketenangan rohani, hubungan harmoni antara madu dan layanan suami yang adil. Kedua-duanya sependapat bahawa peranan suami adalah penentu utama kesejahteraan emosi isteri pertama, namun arah tafsiran dapatan mereka berbeza iaitu Nasrudin Subhi et al. (2020) memberi amaran tentang risiko penderitaan, manakala Nur Nadeera Faseeha binti Rozli dan Zul-kifli Hussin (2025) membuka ruang melihat hikmah poligami yang tersembunyi.

Oleh itu, kajian Nasrudin Subhi et al. (2020) kuat dari segi kedalaman psikologi tetapi kurang membicarakan dimensi maqasid syariah yang mungkin dapat menyeimbangkan persepsi negatif terhadap poligami. Manakala kajian Nur Nadeera Faseeha binti Rozli dan Zulkifli Hussin (2025) pula memberi sumbangan dari sudut analisis normatif berasaskan al-Quran dengan sokongan pengalaman sebenar, namun cenderung mengidealisasikan poligami dan kurang meneliti kesan negatif yang lazim dialami oleh majoriti isteri pertama. Apabila kedua-dua kajian dianalisis bersama, suatu gambaran yang lebih menyeluruh tentang kehidupan isteri pertama dalam poligami dapat diteliti. Dari perspektif psikologi, poligami sememangnya berpotensi mencetuskan tekanan emosi dan konflik tingkah laku jika tidak diurus dengan empati dan keadilan. Namun, dari sudut rohani dan sosial, ia juga mampu menjadi medan pembentukan jiwa dalam mengajar erti sabar, reda dan mendekati diri kepada Allah apabila dilaksanakan dengan keadilan, komunikasi berhemah dan tanggungjawab. Secara keseluruhannya, kedua-dua kajian saling melengkapi dengan menggabungkan dua implikasi iaitu positif dan negatif.

### **Pengurusan Emosi dan Komunikasi dalam Kaunseling Isteri Pertama**

Kajian pertama oleh Abdul Rashid Abdul Aziz & Nurun Najihah Musa (2023) meneliti mekanisme daya tindak dalam pengurusan krisis rumah tangga bagi mencapai kesejahteraan holistik melalui pendekatan kajian yang dijalankan. Kajian ini mengenal pasti lima strategi utama iaitu komunikasi berkesan, regulasi emosi, konsep keagamaan, sistem sokongan bernilai dan kepercayaan pasangan. Sementara itu, kajian kedua oleh Mariam Abd Majid et al. (2020) memfokuskan kepada pembangunan Model Psikologi Komunikasi (PsiKoMadu) bagi membantu isteri bermadu mengurus konflik rumah tangga menurut perspektif Islam melalui pendekatan *Design and Development Research (DDR)*. Kedua-dua kajian ini menekankan kepentingan komunikasi dan pengurusan emosi sebagai elemen utama dalam menangani konflik rumah tangga. Selain itu, kedua-duanya turut mengintegrasikan nilai dan prinsip Islam sebagai asas dalam pengurusan konflik, sekali gus menunjukkan keperluan pendekatan holistik yang bukan sahaja bersifat psikologi, malah berteraskan spiritual. Dapatan kedua-dua kajian turut mengakui peranan sokongan sosial dan kefahaman pasangan dalam menstabilkan emosi isteri ketika berhadapan konflik rumah tangga.

Walaupun bagaimanapun, kajian Abdul Rashid Abdul Aziz & Nurun Najihah Musa (2023) berjaya menyediakan gambaran menyeluruh tentang strategi daya tindak yang relevan dalam pelbagai situasi krisis rumah tangga. Namun, kajian ini kurang memberi penekanan khusus terhadap pengalaman psikologi isteri pertama, terutamanya dalam konteks poligami. Sementara itu, kajian Mariam Abd Majid et al. (2020) mempunyai kekuatan dari segi pembangunan model praktikal, namun tumpuannya lebih kepada isteri bermadu dan kurang membincangkan keperluan kaunseling isteri pertama secara langsung. Berdasarkan perbandingan kedua-dua kajian ini, jelas wujud jurang kajian berkaitan keperluan kaunseling khusus untuk isteri pertama dalam perkahwinan poligami. Walaupun elemen komunikasi, regulasi emosi dan sokongan dikenal pasti sebagai penting, kajian terdahulu masih kurang menghubungkannya secara langsung dengan intervensi kaunseling yang bersasarkan kepada isteri pertama. Oleh itu, kajian semasa berpotensi mengisi jurang ini dengan menumpukan kepada pendekatan kaunseling isteri pertama yang berteraskan psikologi dan nilai Islam bagi membantu mereka mengurus konflik, emosi dan penerimaan dalam rumah tangga poligami.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian penyelidikan memerlukan kepada tiga aspek utama dalam perbincangan metodologi kajian iaitu rekabentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data (Zul-kifli Hussin & Nurain Ab Hamid, 2022). Seterusnya, metodologi kajian merangkumi dua jenis kaedah iaitu penyelidikan kualitatif dan penyelidikan kuantitatif (Parmjit Singh et al., 2010). Sehubungan itu, pendekatan kualitatif dipilih dalam kajian ini melalui pengumpulan data di lapangan dengan penekanan terhadap elemen kesahan dan kebolehpercayaan bagi menjamin kelancaran serta ketepatan proses kajian (Zanaton Hj Iksan et al., 2016). Pengumpulan data dalam kajian ini bersifat primer dan sekunder. Menurut Nurul Adilah Hidzhir & Zul-kifli Hussin (2025), data primer merujuk kepada data yang diperoleh melalui temu bual separa berstruktur. Manakala, data sekunder melibatkan analisis terhadap pelbagai bentuk dokumentasi seperti kajian literatur, bahan rujukan berkaitan kaunseling, tafsiran ilmiah, rakaman audio dan sumber-sumber sokongan lain yang relevan.

Selain itu, penumpuan terhadap informan yang ditemu bual menggunakan kaedah *purposive sampling* atau persampelan bertujuan. “*Dengan memilih peserta yang memenuhi kriteria tertentu, penyelidik boleh mengumpulkan cerapan berharga yang boleh membantu memaklumkan penyelidikan mereka*” (Nurul Hidayana Mohd Noor & Amirah Mohamad Fuzi, 2024, p. 416). Menurut Nyimbili Friday dan Nyimbili Leah (2024), persampelan bertujuan digunakan untuk memastikan maklumat yang diperoleh benar-benar relevan dengan objektif kajian serta menyumbang kepada kefahaman yang lebih mendalam terhadap kajian ini. Informan yang ditemu bual iaitu dua hakim Mahkamah Tinggi Syariah Perak yang dipilih mempunyai ciri-ciri yang dikehendaki dan kaya dengan maklumat berkenaan halangan perundangan terhadap pelaksanaan kaunseling.

Data seterusnya akan dianalisis menggunakan pendekatan interpretif, iaitu pendekatan yang difahami daripada apa yang difahami tentang fenomena (Louis Cohen et al., 2007) terutamanya dalam kajian terhadap pelaksanaan sesi kaunseling terhadap isteri pertama. Hal ini diperolehi melalui kaedah analisis kandungan (*content analysis*) bagi mendapatkan dapatan sedia ada dan menggunakan analisis tematik bagi mendapatkan dapatan baharu mengenai halangan perundangan dalam melaksanakan sesi kaunseling kepada isteri pertama bersama dengan kelulusan permohonan kebenaran poligami daripada perspektif hakim syarie. Kesemua sampel yang ditemu bual merupakan pakar iaitu hakim Mahkamah Tinggi Syariah Perak. Berikut adalah jadual pengekodan yang digunakan di dalam kajian ini:

Jadual 1: Informan Kajian

KOD	KETERANGAN
I1,14/8/2025, B10-15	I adalah informan, manakala 1 merupakan informan pertama, 14/8/2025 merujuk kepada tarikh temu bual, B merujuk kepada baris di dalam transkrip temu bual.

Sumber: Olahan daripada perbincangan kajian

## DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan temu bual, informan berpendapat bahawa terdapat halangan perundangan dalam perintah pelaksanaan kaunseling bersama keputusan kebenaran poligami terhadap isteri pertama. Sehubungan dengan itu, dapatan umum dapat diperhatikan melalui tema utama iaitu

“Keterbatasan Bidang Kuasa Mahkamah Syariah” dan Keperluan Sesi Kaunseling dari Sudut Kesejahteraan Isteri Pertama”.

PERKARA	TRANSKRIP
<p>Keterbatasan Bidang Kuasa Mahkamah Syariah</p> <p>Keperluan Sesi Kaunseling dari Sudut Kesejahteraan Isteri Pertama</p>	<p>I1: Kita tak ada bidang kuasa. Sebab mahkamah ni hanya berbidang kuasa yang pertama, dia...dia mohon apa di mahkamah.</p> <p>I2: Dia berkeperluan, cuma dia bukan di bidang kuasa mahkamah.</p> <p>I2: Tapi biasanya bila dah suami yang disayangi, ada yang lain, dia memang akan ada tekanan lah. Cuma tak ditunjukkan.</p>

## PERBINCANGAN

### Keterbatasan Bidang Kuasa Mahkamah Syariah

Menurut sistem perundangan Islam, bidang kuasa Mahkamah Syariah dikenali sebagai “al-wilayah” yang merujuk kepada hak dan kuasa untuk mendengar serta memutuskan sesuatu kes. Sekiranya Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidang kuasa ini, maka mahkamah tidak boleh membuat sebarang keputusan terhadap mana-mana perbicaraan (Puan Siti Shamsiah binti Md Supi, 2003). Namun, dapatan kajian menunjukkan bahawa keterbatasan bidang kuasa Mahkamah Syariah merupakan halangan perundangan utama dalam melaksanakan sesi kaunseling kepada isteri pertama bersama-sama kelulusan permohonan kebenaran poligami. Menurut Jabatan Kehakiman Syariah (2025):

*“Dalam perkara Mal, mengesahkan, mengakaskan, atau mengubah keputusan Mahkamah perbicaraan, menjalankan mana-mana kuasa yang boleh dijalankan oleh Mahkamah perbicaraan, membuat apa-apa perintah yang sepatutnya dibuat oleh Mahkamah perbicaraan atau memerintahkan perbicaraan semula”.*

Berdasarkan temu bual bersama hakim syarie, Mahkamah Syariah hanya berbidang kuasa terhadap perkara yang dimohon oleh pihak-pihak serta yang diperuntukkan secara jelas oleh undang-undang keluarga Islam. Perkara ini dapat dilihat melalui kenyataan I1 yang menyatakan bahawa:

*“Kita tak ada bidang kuasa. Sebab mahkamah ni hanya berbidang kuasa yang pertama, dia...dia mohon apa di mahkamah”* (11,15/8/2025, B135-136)

Prinsip ini adalah sejajar dengan kaedah bahawa Mahkamah Syariah hanya bertindak apabila terdapat permohonan (*upon application by parties*) dan bukannya secara *suo motu* (atas inisiatif sendiri). Walaubagaimanapun, I2 menegaskan bahawa terdapat keperluan untuk sesi kaunseling. Kenyataan di atas diperkukuhkan dengan pernyataan I2 yang mengakui kewujudan keperluan kaunseling:

*“Dia berkeperluan, Cuma dia bukan di bidang kuasa mahkamah”*  
(11,14/8/2025, B144)

Dapatan ini selari dengan keperluan kaunseling dari sudut kesejahteraan emosi dan sistem sokongan (Abdul Rashid Abdul Aziz & Nurun Najihah Musa, 2023), namun menegaskan bahawa perkara tersebut berada di luar bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Hal ini menunjukkan pemisahan yang jelas antara keperluan psikososial dan kuasa perundangan. Justeru, Mahkamah Syariah hanya boleh bertindak dan membuat keputusan terhadap perkara-perkara yang berada dalam had kuasa undang-undang dan yang boleh dikuatkuasakan secara perundangan, bukan perkara yang bersifat moral, emosi, atau kebajikan semata-mata. Kuasa perundangan seharusnya mengambil bahagian dalam prinsip *bona fide* iaitu suci hati, niat dan tindakan untuk memartabatkan prinsip-prinsip di dalam instrumen dengan memastikan ia dilaksanakan dan diterapkan (Media, 2022).

Walaupun Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidang kuasa untuk mewajibkan kaunseling, dapatan kajian mencadangkan kepada hakim bicara supaya meletakkan keperluan tersebut sebagai *obiter dictum* dalam Alasan Penghakiman. *Obiter dictum* merupakan istilah latin yang bermaksud ‘dikatakan secara selingan’ atau ‘disebut sepintas lalu’ serta merujuk kepada kenyataan seorang hakim yang dibuat berdasarkan fakta yang telah wujud, namun kenyataan tersebut tidak mempengaruhi atau menentukan keputusan penghakiman secara rasmi (T. L. D. Staff, 2013).

Oleh yang demikian, pelaksanaan kaunseling tidak boleh dijadikan kewajipan undang-undang, akan tetapi, pandangan ini dapat menunjukkan pengiktirafan Mahkamah Syariah terhadap nilai kaunseling serta membuka ruang kepada pembuat dasar untuk mempertimbangkan peranan kaunseling secara lebih formal pada masa hadapan. Oleh yang demikian, dapatan ini menunjukkan bahawa keterbatasan undang-undang bukan sahaja mengehadkan kuasa tindakan Mahkamah Syariah, malah membentuk pendekatan kehakiman dalam menunjukkan sifat keprihatinan, iaitu melalui *obiter dictum* dan bukannya melalui perintah Mahkamah Syariah yang mengikat kepada isteri pertama terhadap perundangan.

Menurut Permohonan Kebenaran Poligami yang difailkan dalam kes dengan nombor saman 11100-011-00XX-20XX,

*“Setelah Mahkamah berpuashati dengan permohonan Pemohon ini, dengan ini Mahkamah meluluskan permohonan Pemohon dan memberi kebenaran kepada Pemohon untuk berkahwin dengan KIKO BINTI KOPIO”.*

Seterusnya Permohonan Kebenaran Poligami yang difailkan dalam kes dengan nombor saman 11100-011-00XX-20XX,



*“Setelah Mahkamah berpuashati dengan permohonan Pemohon ini, dengan ini Mahkamah meluluskan permohonan Pemohon dan memberi kebenaran kepada Pemohon untuk berkahwin dengan JAMIMI BINTI JANNAH”.*

Oleh itu, kajian mendapati bahawa Alasan Penghakiman menyatakan kebenaran poligami kepada pihak suami sahaja. Justeru, dapatan mencadangkan hakim syarie untuk menambahkan elemen nasihat berkaitan sesi kaunseling yang wajar diperhatikan oleh pasangan suami dan isteri di dalam Alasan Penghakiman. Hal ini secara tidak langsung akan memberikan impak positif yang menyeimbangkan naratif negatif perundangan yang dianggap sebagai “poligami sepihak”.

### **Keperluan Sesi Kaunseling dari Sudut Kesejahteraan Isteri Pertama**

Kaunseling merupakan suatu intervensi sosial yang bersifat signifikan dalam membantu mengawal tekanan emosi seseorang. Pernyataan ini selari dengan petikan yang berikut (StraComm USIM, 2022):

*“Jalan menuju bahagia itu ada pelbagai, salah satunya adalah melalui ‘katarsis jiwa’ atau kelegaan emosi yang dapat dicapai semasa sesi kaunseling. Peranan kaunselor dan perkhidmatan kaunseling pada masa kini dilihat sebagai satu keperluan yang penting dalam menambahbaik status kesihatan mental rakyat Malaysia”.*

Dalam teknik kaunseling, kaedah ini dikenali sebagai *Rational Emotive Behaviour Therapy* (REBT) iaitu kaunselor berperanan mengenal pasti masalah dan mengubah persepsi negatif dan tidak rasional yang menjurus kepada tekanan serta menggalakkan klien untuk berfikir secara positif dan seimbang (Nurzatil Ismah binti Azizan & Nasuha Fatini binti Abdul Malek, 2025). Tekanan yang dilalui ini turut diperakui oleh I2 yang menyatakan bahawa:

*“Tapi biasanya bila dah suami yang disayangi, ada yang lain, dia memang akan ada tekanan lah. Cuma tak ditunjukkan”.*

Tambahan pula, menurut Nurmiza Afrina Binti Nashruddin dan Dr. Velan Kunjuranan (2023),

*“Beberapa kesan psikologi yang mungkin berlaku pada isteri dan mengganggu psikososialnya adalah seperti timbulnya rasa bersalah dan menyalahkan diri atas pilihan poligami suaminya yang disebabkan oleh ketidakmampuannya menjalankan tugas sebagai seorang isteri. Justeru itu akan menimbulkan rasa tertekan dan kemurungan bagi seorang isteri yang tidak bersedia menerima syaratnya untuk dijadikan sebagai isteri kedua”.*

Namun begitu, tekanan mental dapat diatasi dengan teknik psikologi yang dikenali sebagai “*coping strategy*”. Teknik ini digunakan oleh individu untuk mengurangkan stress dan tekanan mental yang dihadapi dengan cara yang baik mengikut kepada kemampuan individu tersebut (Juli Andriyani, 2019; Malinda Pujiati & Komarudin, 2024). Selain itu, *coping strategy* boleh dibahagikan kepada dua bentuk iaitu *problem-focused coping* dan *emotion-focused coping* yang masing-masing memainkan peranan berbeza dalam membantu individu menangani tekanan mental. Pemilihan strategi ini dipengaruhi oleh faktor dalaman dan luaran individu termasuk sokongan sosial, pegangan agama serta pengalaman hidup.

Walau bagaimanapun, kemahiran daya tindak (coping skills) merupakan alat penting untuk mengurus tekanan, emosi, dan cabaran harian yang dihadapi oleh individu (Zenith Mental Health, 2025). Sekiranya, teknik ini tidak diadaptasikan oleh individu secara baik, ia tetap akan menambah tekanan atau bebanan yang perlu ditangani. Oleh yang demikian, menurut Teori Psikososial Erik Erikson yang menjelaskan bahawa kepercayaan diri individu terbentuk secara berperingkat seiring dengan perkembangan sosialnya dalam persekitaran (2023). Kajian Tiara Emiliza (2019), menyatakan bahawa Teori Psikososial Erik Erikson,

*“Hasil penelitian menyimpulkan bahwa erikson memiliki pandangan yang sama tentang konsep dasar kepribadian manusia dalam islam kepribadian manusia tidak hanya dipengaruhi oleh keinginan atau dorongan dari individu, tapi juga dipengaruhi oleh oleh faktor-faktor luar, seperti adat, budaya, dan lingkungan tempat dimana kepribadian individu berkembang dengan menghadapi serangkaian tahapan-tahapan sejak manusia lahir hingga memasuki usia lanjut serta perubahan dan bagaimana individu berhubungan dengan orang lain”.*

Kajian ini disandarkan kepada Teori Perkembangan Psikososial Erik Erikson, khususnya pada peringkat ketujuh iaitu Generativity vs. Stagnation (Kesuburan vs. Kejumudan) yang berlaku dalam fasa dewasa pertengahan. Pada peringkat ini, individu berusaha mencapai rasa bermakna dan berguna dalam kehidupan dengan memberi sumbangan kepada keluarga, masyarakat dan generasi seterusnya. Namun, sekiranya individu gagal memenuhi peranan ini, mereka akan mengalami perasaan hampa, kecewa serta kehilangan arah yang membawa kepada kejumudan (*stagnation*).

Dalam konteks perkahwinan poligami, isteri pertama sering berada dalam fasa kehidupan dewasa pertengahan. Hal ini demikian kerana berlaku perubahan dalam struktur keluarga akibat keputusan suami untuk berpoligami boleh menggugat kestabilan dan keseimbangan emosi sebagai isteri serta ibu. Justeru, kaunseling dalam hal ini berfungsi sebagai mekanisme psikososial yang membantu isteri pertama menyesuaikan diri dengan realiti baharu, membina semula harga diri serta mencapai keseimbangan emosi agar dapat meneruskan peranan dengan persepsi positif.

## **KESIMPULAN**

Natijahnya, kajian ini menyimpulkan bahawa keperluan kaunseling terhadap isteri pertama dalam konteks permohonan kebenaran poligami diakui oleh hakim syarie dari sudut kesejahteraan emosi dan psikososial, namun pelaksanaannya berdepan kekangan perundangan yang signifikan. Keterbatasan bidang kuasa Mahkamah Syariah yang terikat menyebabkan Mahkamah Syariah hanya boleh bertindak berdasarkan perkara yang dimohon serta yang diperuntukkan secara jelas dalam undang-undang keluarga Islam. Keadaan ini mewujudkan pemisahan yang ketara antara keperluan sokongan psikososial isteri pertama dan kuasa perundangan Mahkamah Syariah yang bersifat legal-formal. Walaupun Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidang kuasa untuk mewajibkan sesi kaunseling secara mengikat, dapatan kajian mencadangkan hakim bicara menzahirkan keprihatinan melalui *obiter dictum* dalam Alasan Penghakiman. Pendekatan ini mencerminkan pengiktirafan kehakiman terhadap nilai kaunseling sebagai mekanisme sokongan emosi, meskipun tidak mempunyai implikasi perundangan secara langsung.

## RUJUKAN

- Abdul Rashid Abdul Aziz & Nurun Najihah Musa. (2023). Pengurusan Krisis Rumah Tangga dalam Mencapai Kesejahteraan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(1), e002168–e002168. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i1.2168>
- Akta Kaunselor 1998 (Akta 580)
- Azyyati Ahmad. (2019, October 16). *Setuju poligami, tapi bukan suami sendiri—Kajian SIS*. Astro Awani.
- Barzah Latupono. (2020). Kajian Juridis Dampak Poligami Terhadap Kehidupan Keluarga. *Bacarita Law Journal*, 1(1), 15–27. <https://doi.org/10.30598/bacarita.v1i1.2788>
- Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004
- Hijrah Lahaling & Kindom Makkulawuzar. (2021). Dampak Pelaksanaan Perkawinan Poligami Terhadap Perempuan dan Anak. *Al-Mujtahid: Journal of Islamic Family Law*, 1(2), 80–90. <http://dx.doi.org/10.30984/jifl.v1i2.1742>
- Jabatan Kehakiman Syariah Perak—Mahkamah Tinggi Syariah*. (2025).
- John Witte Jr. (2015). Why Two in One Flesh? The Western Case for Monogamy over Polygamy. *Emory Law*, 64(6), 1676–1746.
- Juli Andriyani. (2019). Strategi Coping Stres dalam Mengatasi Problema Psikologis. *At-Taujih : Bimbingan dan Konseling Islam*, 2(2), 37–55. <https://doi.org/10.22373/taujih.v2i2.6527>
- Louis Cohen, Lawrence Manion, & Keith Morrison. (2007). *Research Methods in Education* (6. ed., reprint). Routledge.
- Malinda Pujiati & Komarudin. (2024). Hubungan antara Strategi Coping dengan Psychological Well-Being pada Generasi Z. *Jurnal Syntax Admiration*, 5(9), 3616–3627. <https://doi.org/10.46799/jsa.v5i9.1584>
- Mariam Abd Majid, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Sahlawati Abu Bakar, Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Salasiah Hanin Hamjah, Zulkefli Aini, & Naqibah Mansor. (2020). Metodologi Pembentukan Model Psikologi Komuniti Isteri Bermadu Mengurus Konflik Rumah Tangga Menurut Perspektif Islam. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*, 4(1), 22–34. <https://doi.org/10.53840/attarbawiy.v4i1.25>
- Media. (2022, August 7). Press Statement No. 7-2022\_SUHAKAM Calls on the Government to Provide Solution to the Plight of Malaysian Mothers and Their Children to remain as One Family. *SUHAKAM*.
- Mohd Anuar Ramli. (2023, January 10). Pelaku poligami perosak kebahagiaan isteri pertama? *Harakahdaily*.
- Mohd Hamdan Mohamed Nordin, Siti Aishah Hassan, Ismi Arif Ismail, Hanina H. Hamsan, & Azrin Shah Abu Bakar. (2021). Pendekatan Kaunseling Diserem dalam Menangani Konflik Perkahwinan Era Pendemik Covid-19. *Jurnal of Education and Social Sciences*, 18(3).
- Nabilah Haniifah Wahyu Fayyaza & Safari Hasan. (2025). Implikasi Pernikahan Poligami terhadap Kesehatan Mental dan Fisik Istri dalam Konteks Pelayanan Primer. *Implikasi*

*Pernikahan Poligami Terhadap Kesehatan Mental dan Fisik Istri dalam Konteks Pelayanan Primer.*

- Nasrudin Subhi, Nurul Hidayah Mohd Nasir, & Muhammad Ajib Abd Razak. (2020). Poligami: Pengalaman dari Perspektif Isteri Pertama (Polygamy: Experience from First Wife's Perspective). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 34(3), 200–213.
- Nor Dalilah Zakaria, Raihanah Azahari, & Bahiyah Ahmad. (2023). Elemen Kebertanggungjawaban Rumah Tangga Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Fiqh*, 20(2), 165–210. <https://doi.org/10.22452/fiqh.vol20no2.1>
- Nur Azmina Paslan. (2024). Pemeraksanaan Hak Wanita dalam Perkahwinan di Malaysia: Perspektif Peguam Syarie & Pengamal Kaunseling Keluarga. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*, 9(56), 403–428. <https://doi.org/10.35631/IJEPC.956026>
- Nur Azmina Paslan & Mohamad Hashim Othman. (2021). Keberkesanan Intervensi Kaunseling Terhadap Penyesuaian Diri Wanita Pasca Perceraian. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*, 6(44), 232–243. <https://doi.org/10.35631/IJEPC.644018>
- Nur Kholis, Jumaiyah, & Wahidullah. (2017). Poligami dan Ketidakadilan Gender dalam Undang-Undang Perkawinan di Indonesia. *Al-Ahkam*, 27(2), 195–212. <https://doi.org/10.21580/ahkam.2017.27.2.1971>
- Nur Nadeera Faseeha binti Rozli & Zul-kifli Hussin. (2025). Reframing Polygamy: Positive Impacts on Marriage from the Perspective of First Wives in Malaysia. *Ahlika: Jurnal Hukum Keluarga dan Hukum Islam*, 2(1), 36–66. <https://doi.org/10.70742/ahlika.v2i1.175>
- Nurmiza Afrina Binti Nashruddin & Dr. Velan Kunjuraman. (2023, July 5). Kehidupan Dalam Keluarga Berpoligami. *The Inspirasi*. <https://theinspirasi.my/kehidupan-dalam-keluarga-berpoligami/>
- Nurul Adilah Hidzhir & Zul-kifli Hussin. (2025). Faktor-Faktor yang Mendorong Isteri Melakukan Hibah Kepada Suami. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 11(1). <https://doi.org/10.24191/jcis.v11i1.2>
- Nurul Hidayana Mohd Noor & Amirah Mohamad Fuzi. (2024). Teknik Persampelan & Penentuan Saiz Sampel bagi Penyelidikan Sains Sosial. *5th Kuala Lumpur International Conference on Management, Education and Technology 2024 (KLIMET2024)*.
- Nurulfatiha Muah. (2023, December 15). *Poligami: Penderaan mental kepada isteri?* Sinar Harian.
- Nurzatil Ismah binti Azizan & Nasuha Fatini binti Abdul Malek. (2025). Peranan Kaunselor Dalam Menangani Isu Kesihatan Mental Menurut Perspektif Al-Quran. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi Islamic Innovation Center for Technology*, 12(3), 127–139. <https://doi.org/10.53840/ejpi.v12i3.263>
- Nyimbili Friday & Nyimbili Leah. (2024). Types of Purposive Sampling Techniques with Their Examples and Application in Qualitative Research Studies. *British Journal of Multidisciplinary and Advanced Studies*, 5(1), 90–99.
- Parmjit Singh, Chan Yuen Fook, Gurnam Kaur Sindhu, & Ranjit Kaur. (2010). *Panduan Komprehensif Penulisan Cadangan Penyelidikan*. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Puan Siti Shamsiah binti Md Supi. (2003, March 19). Bidang Kuasa Mahkamah Syariah di Malaysia: Satu Pengenalan Ringkas. *Laman Web Rasmi IKIM*.
- Raihanah Abdullah. (2003). Berpoligami: Antara Hak Suami dan Hak Isteri Menurut Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 11(1), 131–146. <https://doi.org/10.22452>

- Raihanah Abdullah. (2010). "Lebih Baik Bercerai dari Bermadu": Analisis Perceraian dalam Kes-Kes Permohonan Poligami Di Mahkamah Syariah. *Jurnal of the Faculty of Arts and Social Sciences, University of Malaya*, 25(3), 107–124.
- Rico Setyo Nugroho, M.Dliya' Ulami', Soiful Hadi, & Martinus Aditya P. (2025). Application of Tauhid in Polygamous Marriage. *Proceeding International Conference of Humanities and Social Science*, 226–233.
- Shazarina Zdainal Abidin, Suhana Mohamed Lip, Suziana Hanini Sulaiman, Mohamad Fuad Ishak, Sapie Sabilan, Norshilawani Shahidan, & Natasha Ariffin. (2023). Kepercayaan Kecerdasan Diri dalam Kalangan Pelajar: Satu Sorotan Literatur. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 24(1), 14–27. <https://doi.org/10.17576/malim-2023-2401-02>
- Siti Shamsiah Md Supi. (2013, November 18). Fasakh Melalui Tekanan Mental. *Laman Web Rasmi IKIM*.
- StraComm USIM. (2022). Kaunseling Jalan Menuju Bahagia. *Universiti Sains Islam Malaysia*.
- T. L. D. Staff. (2013, March 2). Obiter Dictum. *The Law Dictionary*.
- Tiara Emiliza. (2019). *Konsep Psikososial Menurut Teori Erik H.erikson Terhadap Pendidikan Anak Usia Dini dalam Tinjauan Pendidikan Islam* [Institusi Agama Islam Negeri (IAIN)].
- Yusmini Md. Yusoff. (2003). Kepentingan Kaunseling dalam Menangani Masalah RumahTangga. *Jurnal Usuluddin*, 18, 137–148.
- Zanaton Hj Iksan, Salasiah Hanin Hamjah, Tengku Intan Zarina Tengku Puji, & Mohd Noor Saper. (2016). *Kualiti Ilmu Berasaskan Kesahan dan Kebolehpercayaan Data dalam Penyebaran Ilmu Islam: Perbincangan Berasaskan Kajian Kualitatif*. 8(1), 13–30.
- Zenith Mental Health. (2025). What Are the 5 Types of Coping Strategies? (Updated Guide). *Zenith Mental Health*.
- Zul-kifli Hussin & Nurain Ab Hamid. (2022). Gerakan Ateis dalam Kerangka Tafsiran Perkara 11 (4) Perlembagaan Persekutuan. *Al-Takamul al-Ma'rifi*, 5(1), 1–13.